

# Remaja Kreatif dan Inovatif Memacu Kegemilangan Negara

USIA kemerdekaan negara yang kian bertambah tidak menjamin kekal buat selama-lamanya. Tahun ini, genap 53 tahun kita menghela nafas kemerdekaan dan masa hadapan kemerdekaan ini masih belum pasti. Orang bijaksana pernah berkata bahawa, "Jika ingin melihat masa hadapan seseorang, lihatlah remajanya pada hari ini". Nyatanya, remaja memainkan peranan yang signifikan dalam memacu kegemilangan seseorang tamadun bangsa.

Soekarno, iaitu Presiden pertama Indonesia, pernah mengungkap, "Berikan saya 10 belia waja, nescaya akan saya gagarkan dunia". Remaja juga merupakan sebahagian daripada belia.

Remaja yang kreatif dan inovatif mampu untuk memelihara kemerdekaan negara dan memacu kegemilangan negara pada masa akan datang. Oleh hal yang demikian, remaja pada hari ini perlu dilengkapi dengan kemahiran insaniah dan jati diri yang kukuh. Pencapaian akademik yang cemerlang masih belum cukup untuk membentuk remaja yang berkualiti. Penglibatan remaja dalam pelbagai bidang sama ada kebudayaan, sukan, kepimpinan atau keusahawanan mampu menjana kreativiti dan inovasi.

Masih terdapat segelintir remaja yang belum memahami nilai kemerdekaan dan belum bersedia untuk menghadapi cabaran modenisasi pada masa kini. Lihatlah remaja hari ini yang semakin kerap muncul di dada akhbar angka kes lumba motor haram dan pembuangan bayi. Remaja juga masih dibelenggu najis dadah. Jika dibiarkan tanpa dibendung, tidak mustahil negara akan ketandusan peneraju masa hadapan yang berkualiti, yang akhirnya menyebabkan maruah negara berada di awang-awangan.

Sewajarnya, setelah lebih setengah abad negara mencapai kemerdekaan, remaja hari ini menjadi lebih matang mengatur setiap langkah kehidupan. Pelangi hari ini tidak mampu berjanji untuk muncul pada hari esok. Keyakinan diri perlu dipertingkatkan bagi merealisasikan segala impian. Harus diingat, remaja mengemudi amanah yang berat bagi memastikan agama, bangsa dan negara tidak ternoda. Ayuh, bangunlah wahai remaja dari lena yang panjang serta pesona dunia yang mengalpakkan.

Berhadapan dengan dunia yang kian mencabar, remaja sewajarnya mempunyai daya saing yang tinggi. Senario remaja di Malaysia amat berbeza jika dibandingkan dengan remaja di negara matahari terbit. Remaja di sana sememangnya sudah diajar untuk bersahabat baik dengan buku walau di mana sahaja berada.

Ketinggian ilmu yang dimiliki dapat menjadikan jati diri kita tidak mudah rapuh. Sejak dari awal, kanak-kanak di Jepun sememangnya telah didedahkan dengan amalan membaca. Mereka menyanjung tinggi adat dan budaya warisan nenek moyang tanpa mempedulikan anasir asing biarpun menyelinap secara diam.

Buktinya, lihat sahaja daripada aspek bahasa. Jepun cukup taksud dengan bahasa ibunda mereka tanpa mempedulikan pengaruh bahasa asing waima masyarakat dunia sibuk mendalami bahasa dunia, iaitu bahasa Inggeris.

Oleh : IMUDA



Nah, mentaliti masyarakat Jepun sememangnya diasuh untuk cinta akan negara mereka sepenuh jiwa. Hasilnya, mereka memiliki generasi remaja yang punya jati diri.

Malaysia juga memiliki remaja contoh yang boleh dijadikan inspirasi kepada remaja yang lain. Siapakah yang tidak mengenali Dato' Nicol Ann David, ratu squash negara? Memegang status sebagai pemain nombor satu dunia dalam usia sebegitu muda amatlah membanggakan. Bukan itu sahaja, keputusan akademik beliau dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga bagus. Selain itu, pelumba basikal negara Zulhasnan Awang turut mengangkat nama negara di pentas dunia.


Jika disorot pencapaian remaja dalam bidang robotik juga membingungkan Pada tahun lalu, SMK Methodist (SMKM), Tanjong Malim Perak mengukir kejayaan manis apabila memenangi pingat emas dan anugerah istimewa kategori terbuka sekolah menengah pertandingan *World Robotic Olympiad*, di Pohang, Korea, setelah mengalahkan 200 buah pasukan dari 32 buah negara! Pertandingan robotik dan pengajaran yang berkaitan teknologi robot, iaitu mekatronik semakin berkembang di negara kita.

Remaja perlu melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah yang meliputi beberapa aspek, iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional, dan kemahiran kepimpinan.

Semasa di alam persekolahan dan pengajian tinggi, remaja perlu menggunakan peluang yang ada untuk bergerak aktif sama ada dalam aktiviti kemasyarakatan, sukan atau kebudayaan. Kemahiran insaniah dapat mempersiapkan remaja dengan kemahiran yang boleh digunakan pada masa hadapan terutamanya semasa di alam pekerjaan.

Menyedari pelbagai cabaran yang mendarat, remaja seharusnya lebih peka dan tidak mudah mengalah. Meletakkan diri dalam bidang keusahawanan merupakan langkah yang bijak seperti yang disarankan oleh kerajaan. Dalam konteks keusahawanan, remaja dapat berdiri atas kakinya sendiri tanpa perlu mengharapkan orang lain. Pelbagai geran dan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan untuk menggalakkan remaja dan belia melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sama ada dalam bentuk bantuan modal, nasihat atau teknikal. Sementara itu, perkembangan dunia teknologi maklumat menerusi percambahan jaringan sosial seperti Facebook, MySpace dan Twitter mampu menjadi wahana untuk remaja mengembangkan perniagaan mereka secara maya.

Sebagai remaja, kita juga perlu sensitif terhadap isu semasa yang berlaku sama ada di dalam negara atau di luar negara. Istilah "bagai katak di bawah tempurung" harus dijaui. Lahirkan rasa bertanggungjawab dalam diri sendiri terhadap perhal yang berlaku. Contohnya, perhal kejayaan tentera Zionis terhadap rakyat Iraq. Remaja mempunyai hak



Pertandingan robotik dan pengajaran yang berkaitan teknologi robot, iaitu mekatronik semakin berkembang di negara kita.

bersuara untuk melontar pendapat selagi tidak menggugat ketenteraman negara. Remaja juga boleh bersama-sama menyalurkan bantuan, umpamanya, menyertai misi bantuan kemanusiaan dan perubatan ke negara yang mengalami krisis kemanusiaan atau bencana alam. Inilah yang dikatakan remaja Malaysia memacu kesejahteraan dunia.

Pentas penulisan tidak pernah gersang daripada kemunculan penulis pelapis golongan remaja. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sendiri menganjurkan Minggu Penulis Remaja (MPR) saban tahun yang melahirkan permata yang membanggakan seperti Shamsuddin Othman, Nisah Haji Haron, Fadh Razy, Zulfazlan Jumrah, M F Kencana dan banyak lagi. Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) juga menjadi pentas menonjolkan bahawa negara masih mempunyai remaja yang kreatif dalam dunia penulisan setanding dengan penulis mapan yang lain.

Corak masa depan negara terletak pada tangan remaja pada hari ini. Remaja hari ini merupakan cerminan masa hadapan negara. Jangan biarkan wajah mulus kemerdekaan yang kita capai selama ini terpalit warna-warna kerakusan. Melewati usia kemerdekaan negara yang telah pun mencapai 53 tahun, para remaja perlu merenung kembali sejarah yang telah termaktub kerana sejarah mampu mendewasakan kita. Bertauliah pada akar budaya dan bertunjinglah pada pegangan agama yang kukuh. Tuntasnya, remaja kreatif dan inovatif memacu kegemilangan negara pada masa hadapan. Selamat menyambut usia kemerdekaan yang ke-53! @s